

ORIGINAL ARTICLE



**PENGETAHUAN, SIKAP DAN KESEDIAAN
PENGUASAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI BAGI MURID TAHUN TIGA YANG
MENGHADAPI MASALAH DALAM PENGUASAAN
LITERASI MEMBACA BAHASA TAMIL**

**KNOWLEDGE, ATTITUDE AND READINESS OF
MASTERING INFORMATION AND
COMMUNICATION TECHNOLOGY FOR THIRD
YEAR STUDENTS WHO ARE FACED WITH
PROBLEMS IN MASTERING TAMIL READING
LITERACY**

Gunasekaran Kuppusamy*¹, Ilangkumaran Sivanadhan²

¹ Department of Modern Language, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: kmguna_0203@yahoo.com

² Department of Modern Language, Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: ilangkumaran@fbk.upsi.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/311>

Abstract

This study aims to identify the extent of the knowledge, readiness and attitude of year 3 students who face difficulties in mastering Tamil reading literacy in primary school. This survey study uses a questionnaire as a research instrument. The study respondents consisted of 70 Tamil teachers in 61 primary schools in the state of Kedah. The data of this study was analyzed using The Statistical Packages for the Social Sciences program version 27.0. Descriptive analysis methods are used to show frequency, percentage, mean and standard deviation. The results of the study found that the level of knowledge, the level of readiness and the level of attitude of Year 3 students who face problems in primary school Tamil reading literacy towards information and communication technology are at a high level. Tamil language teachers of Tamil primary schools who teach reading literacy to students can often use Information and Communication Technology methods in teaching and learning because students have a positive attitude in knowing information and communication technology. The implication of the study is that this primary school Tamil teacher knows how to use Technology and Information quickly to help students master reading literacy. Teachers can diversify teaching aids in the form of information and communication technology.

Keywords: Literacy, Information and Communication Technology, Knowledge, Readiness, Attitude, Tamil Language Teachers

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pengetahuan, kesediaan dan sikap murid-murid tahun 3 yang menghadapi masalah dalam menguasai literasi membaca Bahasa Tamil di sekolah rendah. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden kajian terdiri daripada 70 orang guru Bahasa Tamil di 61 buah sekolah rendah di negeri Kedah. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan program The Statistical Packages for the Social Sciences versi 27.0. Kaedah analisis deskriptif digunakan untuk menunjukkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan, tahap kesediaan dan tahap sikap murid-murid Tahun 3 yang menghadapi masalah dalam literasi membaca Bahasa Tamil sekolah rendah terhadap teknologi maklumat dan komunikasi berada pada tahap yang tinggi. Guru bahasa Tamil sekolah rendah Tamil yang mengajar literasi membaca kepada murid-murid boleh kerap menggunakan kaedah Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran kerana murid-murid mempunyai sikap yang positif dalam mengetahui teknologi maklumat dan komunikasi. Implikasi kajian ialah guru Bahasa Tamil sekolah rendah ini mengetahui penggunaan Teknologi dan Maklumat cepat membantu murid dalam menguasai literasi membaca. Guru-guru boleh mempelbagaikan bahan bantu mengajar dalam bentuk teknologi maklumat dan komunikasi.

Kata Kunci : Literasi, Teknologi maklumat dan Komunikasi, Pengetahuan, Kesediaan, Sikap, Guru Bahasa Tamil

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 13th June 2024, revised 28th July 2024, accepted 5th September 2024

Pengenalan

Pendidikan diterima secara meluas sebagai sumber asas baik untuk individu, masyarakat dan negara. Malah, di kebanyakan negara pendidikan asas pada masa kini bukan sahaja sebagai hak, tetapi juga sebagai kewajipan. Sesebuah kerajaan memastikan rakyat akses kepada pendidikan asas sehingga pada sesuatu tahap tertentu dan ia termaktub dalam undang-undang sesebuah negara (Max Roser dan Esteban Ortiz-Ospina, 2016).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menjadi asas kepada semua usaha penambahbaikan sistem sejak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) digubal pada Tahun 1988 untuk melaksanakan transformasi dalam bidang pendidikan di Malaysia secara holistik. KPM sentiasa merangka pelan dan mengambil berat terhadap hal-hal yang harus dilaksanakan agar usaha tersebut untuk berjaya. Bagi mencapai matlamat tersebut KPM telah melaksanakan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) di seluruh negara bermula tahun 2014 sehingga kini. Pelbagai

elemen telah dimaktubkan dalam PAK21 untuk membentuk kemenjadian murid pada semua aspek perkembangan diri. Salah satu elemen yang terdapat dalam PAK21 adalah literasi maklumat dengan meneroka maklumat menerusi penggunaan teknologi dan maklumat (TMK) dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam dan luar bilik darjah (PPPM 2013-2025, KPM 2013).

Hasrat KPM mengutamakan pembelajaran sepanjang hayat dalam PPPM perlu menerusi kemahiran membaca yang terkandung dalam literasi bahasa. Veeraratchagi, 2021 mendefinisikan membaca ialah proses berfikir yang melibatkan pemikiran terhadap perkara tersurat dan tersirat, mengubungkan idea, menyoal dan memberi respon dengan memberikan idea dan mengaplikasikan maklumat terkini di dalam situasi baharu. Membaca adalah penting dalam membentuk murid-murid di peringkat sekolah rendah untuk persiapan kearah penguasaan pembacaan sebutan yang tepat (Veeraratchagi, 2021). Terdapat murid-murid yang tidak boleh membaca dengan lancar menyebabkan fenomena penguasaan kemahiran literasi terutamanya kegiatan membaca masih menjadi isu dalam pendidikan (Baharudin, 2021). Kemahiran membaca juga merupakan kemahiran yang sangat sukar dikuasai terutamanya di kalangan kanak-kanak prasekolah dan seterusnya masalah ini menjadi akar umbi di peringkat sekolah rendah dan menengah (Baharudin, 2021).

Perkembangan bidang teknologi dalam sistem Pendidikan pada alaf ini sedang mengalami transformasi yang amat pesat (Adenan Ayob, 2017). Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melancarkan Program #SayaDigital anjuran Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), bagi meningkat dan menambahkan literasi digital dalam kalangan masyarakat (Berita Harian, 2021). Fadhlina Sidek mengatakan bahawa tumpuan KPM dalam tujuh teras. Antara dua teras yang menunjukkan perhatian terhadap isu keciciran pendidikan dan masalah literasi dan numerasi; dan meningkatkan keupayaan pendidikan digital di sekolah (Fatin Syazana Zulkafali, 2022). Transformasi dalam bidang pendidikan ini perlu diberi perhatian dalam PdPc Bahasa Tamil yang dapat dilihat menerusi kekurangan kewujudan dan penggunaan bahan yang interaktif dengan berasaskan laluan digital. Dalam mentransformasikan perkembangan tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengetahui pengetahuan, sikap dan kesediaan murid-murid Tahun Tiga di SJKT yang menghadapi masalah dalam literasi membaca supaya murid-murid membaca dalam menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi.

Permasalahan Kajian

Pendidikan di Malaysia yang sedia ada telah berkembang dengan pesatnya seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang. Kini, sistem pendidikan diperkembangkan lagi menerusi sistem pendidikan di sekolah rendah. Melalui sistem ini, murid-murid diperkenalkan dengan sistem persekolahan sejak umur tujuh tahun dengan menekankan penguasaan literasi membaca, menulis, dan mengira. Rasionalisasi daripada pengajaran literasi yang awal adalah untuk memastikan murid-murid telah menguasai kemahiran asas tersebut sebelum bermulanya sesi persekolahan di Sekolah Menengah. Hal ini adalah demi memastikan kelancaran sesi pembelajaran kerana kelemahan murid dalam menguasai kemahiran asas akan memberi kesan kepada proses pembelajarannya. Menteri Pendidikan, Fadhlina Dato' Sidek mengalu-alukan kajian yang dilakukan pelbagai pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengenai masalah keciciran pelajaran. Sebelum ini, berdasarkan kajian dibuat

terdapat 1 juta kanak-kanak di negara ini berdepan dengan masalah keciciran literasi iaitu kurang menguasai kemahiran 3M (Adli Effendy, 2023).

Masalah membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah mendapat liputan umum (Adenan Ayob, 2017). Yahya Othman, 2004 berpendapat masalah membaca turut mengakibatkan usaha pihak sekolah untuk melahirkan murid-murid yang berpengetahuan. Kerisauan tentang masalah membaca di kalangan murid-murid bukan hanya pada ibu bapa dan guru malah pelbagai usaha telah diamalkan di peringkat sekolah, PPD, JPN dan KPM. Salah satu usaha terbesar telah dilaksanakan adalah menerusi KSSR yang bermatlamatkan kecemerlangan pendidikan sekolah rendah, diikuti KSSM di peringkat sekolah menengah (Adenan Ayob, 2017).

Literasi membaca terutamanya dalam Bahasa Tamil kian menjadi tumpuan kepada murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Misinya adalah bagi membentuk kemahiran literasi yang tinggi, yakni golongan celik huruf yang berdaya maju ke hadapan menjelang tahun 2020 (Khairuddin, 2011). Kemahiran membaca di kalangan murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil turut menyumbang kepada peningkatan literasi membaca dalam persada antarabangsa. Murid-murid di Sekolah Rendah menghadapi masalah dalam kemahiran membaca khususnya dalam mengenali huruf, perkataan, frasa, ayat ringkas dan petikan ringkas. Tambahan pula, murid-murid di Sekolah Rendah menghadapi masalah dalam tidak boleh mengenali huruf; sebutan tidak betul; kelancaran bacaan; membaca sesuatu perkataan yang tidak mengikut huruf; membaca dengan perlahan; tidak memahami maksud perkataan semasa membaca; tidak mengikut perasaan semasa membaca (tanda bacaan) dan membaca dengan ketakutan (Veeraratchagi, 2021).

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi meningkatkan keyakinan diri murid dan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran secara aktif. (Bourbour dan Bjorklund, 2014). Angela dan Yen (2015) berpendapat bahan-bahan dalam bentuk teknologi maklumat dan komunikasi mampu membantu guru-guru untuk menggunakan sebagai medium pengajaran yang efektif lalu mengurangkan masa dalam membina bahan bantu mengajar. Malkawi (2017) menyatakan bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi membantu murid-murid untuk mencapai keputusan peperiksaan dan pembelajaran yang lebih baik.

Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan TMK murid Tahun Tiga yang menghadapi masalah dalam menguasai literasi membaca Bahasa Tamil.
2. Mengenal pasti tahap sikap penguasaan TMK murid Tahun Tiga yang menghadapi masalah dalam menguasai literasi membaca Bahasa Tamil.
3. Mengenal pasti tahap kesediaan penguasaan TMK murid Tahun Tiga yang menghadapi masalah dalam menguasai literasi membaca Bahasa Tamil.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan telah dipilih sebagai reka bentuk kajian. Menurut Mohd Majid (2004), kajian tinjauan lebih sesuai digunakan kerana kaedah ini menerangkan sesuatu fenomena dalam bentuk angka dan ukuran. Kaedah tinjauan dipilih kerana sesuai untuk ditadbir ke atas sampel dalam masa yang terhad. Selain itu, reka bentuk kajian ini tidak mengganggu guru untuk melakukan tugas seharian mereka kerana senang menjawab soal selidik dengan mengambil masa yang singkat, Reka bentuk kajian ini menggunakan instrumen berbentuk soal selidik sebagai alat kajian bertujuan untuk memperoleh data dalam bentuk ukuran kuantitatif.

Populasi Dan Sampel

Populasi yang dipilih dalam kajian ini melibatkan guru-guru bahasa Tamil yang mengajar bahasa Tamil di sekolah rendah di negeri Kedah. Sebanyak 61 buah sekolah rendah yang menjadi populasi dalam kajian ini, iaitu melibatkan seramai 85 orang guru. Sampel kajian yang digunakan dalam kajian ini pula seramai 70 orang. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak mudah berdasarkan jadual penentu saiz sampel kajian Krejcie dan Morgan (1970). Hal ini bermakna 70 orang guru Bahasa Tamil yang dipilih adalah mewakili populasi guru Bahasa Tamil sekolah rendah di negeri Kedah.

Instrumen Kajian

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dalam kajian ini. Set soalan diadaptasikan oleh pengkaji menggunakan bahasa Melayu berdasarkan soal selidik Hazlin (2016) berkaitan kajian penguasaan kemahiran TMK. Instrumen soal selidik ini merangkumi empat bahagian utama. Bahagian A mengandungi lapan item tentang maklumat demografi responden. Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D masing-masing mengandungi 10 item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid tahun tiga yang menghadapi masalah dalam literasi membaca dalam penguasaan kemahiran TMK. Skala Likert lima mata digunakan bagi tujuan ini. Menurut Mohd Majid (2004), skala Likert dipilih kerana nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan juga memberi peluang kepada responden membuat pilihan yang tepat berdasarkan darjah penerimaan responden. Pada bahagian B, C dan D skala Likert digunakan, iaitu 1 ialah aras yang terendah, manakala 5 ialah skala yang tertinggi.

Analisis Data

Kaedah kuantitatif dalam program *The Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS)* versi 23.0 digunakan untuk menganalisis semua data yang telah dikumpulkan. Kaedah deskriptif dan inferensi digunakan dan semua dapatan yang telah dianalisis akan dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan peratusan, frekuensi dan min. Analisis data tahap pelaksanaan PdP melibatkan frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Nilai min diinterpretasi mengikut skala kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (KPM 1998), iaitu nilai skor 1.0-1.8 sangat rendah, 1.9-2.6 rendah, 2.7-3.4 sederhana, 3.5-4.2 tinggi dan 4.3-5.0 sangat tinggi. Daripada lima skala min tersebut, skor min dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Tahap rendah dengan min 1.00 hingga 2.66, tahap sederhana dengan min 2.67 hingga 3.66

dan tahap tinggi dengan min 3.67 hingga 5.00 (Jamil 2002). Hasil daripada data ini, perbincangan akan dijalankan terhadap keputusan kajian berdasarkan persoalan yang dikemukakan.

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Sampel kajian ini terdiri daripada 70 orang guru Bahasa Tamil Tahun Tiga dari 61 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di negeri Kedah. Jadual 41 menerangkan dengan lebih terperinci mengenai demografi responden kajian yang diperolehi hasil daripada soal selidik. Di negeri Kedah sebanyak 39 guru bekerja di sekolah luar bandar manakala 21 orang guru bekerja di sekolah bandar. Rumusan yang dapat dibuat ialah, guru perempuan lebih ramai berbanding guru lelaki, kebanyakan guru berpengalaman mengajar bahasa Tamil lebih daripada 10 tahun dengan mempunyai kelulusan akademik yang tertinggi Sarjana Muda sebanyak 39 dengan 55.7%. Daripada 70 orang responden 53 adalah beropseyen bahasa Tamil dan selebihnya adalah opsyen yang lain dengan mengajar bahasa Tamil di sekolah. 52 orang guru iaitu 74% bersetuju bahawa murid-murid tahun 3 menghadapi masalah dalam menguasai literasi membaca bahasa Tamil.

Jadual 1

Maklumat Demografi

Faktor Demografi	Ciri Demografi	Frekuensi	Peratus (%)
Lokasi sekolah	Bandar	21	67
	Luar bandar	39	23
Jantina	Lelaki	15	21
	Perempuan	55	39
Kelulusan akademik tertinggi	Diploma	11	15.7
	Sarjana muda	39	55.7
	Sarjana	20	28.6
	PhD	0	0
Opsyen bahasa Tamil	Ya	53	75.7
	Tidak	17	24.3
Pengalaman mengajar sebagai guru bahasa Tamil	Kurang daripada 5 Tahun	16	22.9
	6 Tahun hingga 10 Tahun	22	31.4
	10 Tahun Ke Atas	32	45.7
Persetujuan guru terhadap murid menghadapi masalah dalam menguasai literasi membaca	Ya	52	74
	Tidak	18	26

Jadual 2

Tahap Pengetahuan Murid yang Menghadapi Masalah Literasi Membaca dalam Penguasaan Kemahiran TMK

No.	Pengetahuan murid: Penguasaan kemahiran TMK	Min	Sisihan Piawai	Tahap Pengetahuan
1.	Murid tahu asas menggunakan komputer dan telefon bimbit.	4.14	.698	Tinggi
2.	Murid menunjukkan minat semasa menggunakan multimedia yang membantu menjadikan pembelajaran lebih kreatif.	4.41	.565	Tinggi
3.	Murid dapat membaca bahan bantu mengajar tambahan melalui internet.	3.82	.707	Tinggi
4.	Murid dapat meningkatkan minat dan pencapaian dalam membaca melalui penggunaan multimedia.	4.14	.692	Tinggi
5.	Murid mengetahui penggunaan multimedia dalam digital seperti audio, video, gambar, animasi dan pautan.	3.86	.830	Tinggi
6.	Murid lebih kreatif dan bijak apabila menggunakan multimedia dalam pembelajaran.	3.98	.767	Tinggi
7.	Murid pernah menggunakan multimedia sama ada secara elektronik atau bahan bercetak yang mengandungi elemen multimedia.	3.94	.765	Tinggi
8.	Murid belajar membaca dalam multimedia yang tidak memakan masa dan ianya efektif untuk belajar.	3.81	.781	Tinggi
9.	Murid memberi perhatian terhadap multimedia interaktif yang merangkumi gabungan teks, bunyi, animasi, gambar dan pautan.	4.36	.589	Tinggi
10.	Murid mengetahui cara mengendalikan elemen multimedia terutama yang melibatkan komputer dan telefon bimbit.	4.05	.761	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan pengetahuan murid-murid yang menghadapi masalah dalam literasi ke atas penguasaan kemahiran TMK. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap TMK walaupun mereka menghadapi masalah dalam membaca. Murid menunjukkan minat semasa menggunakan multimedia yang membantu menjadikan pembelajaran lebih kreatif dengan mencapai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.41. Murid juga memberi perhatian terhadap multimedia interaktif yang merangkumi gabungan teks, bunyi, animasi, gambar dan pautan dengan mencapai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.36. Guru-guru bersetuju murid belajar membaca dalam multimedia yang tidak memakan masa dan ianya efektif untuk belajar dengan min 3.81. Keseluruhan item-item dalam jadual 2 menunjukkan murid-murid mempunyai pengetahuan terdapat pengetahuan TMK.

Jadual 3

Tahap Sikap Murid yang Menghadapi Masalah Literasi Membaca dalam Penguasaan Kemahiran TMK

No.	Sikap murid: Penguasaan kemahiran TMK	Min	Sisihan Piawai	Tahap Sikap
1.	Murid suka belajar menggunakan persekitaraan pembelajaran multimedia.	4.15	.667	Tinggi
2.	Murid berasa seronok apabila mengakses persekitaran pembelajaran melalui internet.	4.39	.605	Tinggi
3.	Murid mudah mempelajari bahasa Tamil dengan menggunakan aplikasi menerusi internet.	4.12	.688	Tinggi
4.	Murid seronok menggunakan aplikasi digital kerana mudah diakses di mana sahaja.	4.23	.677	Tinggi
5.	Murid seronok belajar bahasa Tamil dengan elemen multimedia.	4.25	.624	Tinggi
6.	Murid suka menggunakan persekitaraan pembelajaran menerusi aplikasi digital untuk pembelajaran.	4.19	.628	Tinggi
7.	Murid berasa mudah semasa mengendalikan aplikasi digital.	4.06	.691	Tinggi
8.	Murid suka dengan paparan aplikasi digital yang menarik.	4.35	.595	Tinggi
9.	Murid suka menggunakan aplikasi digital bersama rakan-rakan dalam kelas.	4.22	.672	Tinggi
10.	Murid suka berhubung dengan menggunakan aplikasi digital ketika bersama ibu bapa di rumah.	3.99	.807	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan sikap murid-murid yang menghadapi masalah dalam literasi ke atas penguasaan kemahiran TMK. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid mempunyai sikap yang tinggi terhadap TMK walaupun mereka menghadapi masalah dalam membaca. Murid berasa seronok apabila mengakses persekitaran pembelajaran melalui internet dengan mencapai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.39. Murid juga suka dengan paparan aplikasi digital yang menarik dengan mencapai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.35. Guru juga bersetuju murid suka berhubung dengan menggunakan aplikasi digital ketika bersama ibu bapa di rumah dengan min sebanyak 3.99. Keseluruhan item-item dalam jadual 3 menunjukkan murid-murid sikap positif terdapat pengetahuan TMK.

Jadual 4

Tahap Kesiediaan Murid yang Menghadapi Masalah Literasi Membaca dalam Penguasaan Kemahiran TMK

No.	Kesiediaan murid: Penguasaan kemahiran TMK	Min	Sisihan Piawai	Tahap Kesiediaan
1.	Murid bersedia mencari maklumat dalam bentuk multimedia yang sesuai.	3.92	.819	Tinggi
2.	Murid setuju bahawa multimedia boleh menjadi antara bahan bantu mengajar yang berkesan.	4.01	.716	Tinggi
3.	Murid pernah belajar tentang elemen multimedia dalam subjek lain.	4.05	.745	Tinggi
4.	Murid bersedia menggunakan multimedia dalam pembelajaran kerana memperoleh pelbagai kemahiran.	3.97	.715	Tinggi
5.	Murid bersetuju bahawa pembelajaran secara multimedia bergantung kepada kemudahan teknikal disediakan di sekolah dan rumah.	4.01	.718	Tinggi
6.	Murid bersedia untuk meneroka aspek multimedia dalam pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran dan pencapaian mereka.	3.92	.689	Tinggi
7.	Murid bersedia belajar menggunakan multimedia sama ada secara elektronik atau bahan bercetak yang mengandungi elemen multimedia.	3.99	.707	Tinggi
8.	Murid pernah melibatkan diri ketika mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dalam multimedia.	3.99	.661	Tinggi
9.	Murid bersedia menggunakan multimedia yang membantu meningkatkan minat dan ingatan terhadap isi pembelajaran.	3.99	.675	Tinggi
10.	Murid bersedia belajar secara aktif apabila elemen multimedia diterapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.	4.07	.667	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan tahap kesiediaan murid-murid yang menghadapi masalah dalam literasi ke atas penguasaan kemahiran TMK. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid mempunyai kesiediaan yang tinggi terhadap TMK walaupun mereka menghadapi masalah dalam membaca. Murid bersedia belajar secara aktif apabila elemen multimedia diterapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan mencapai min yang tertinggi iaitu sebanyak 4.07. Murid juga pernah belajar tentang elemen multimedia dalam subjek lain dengan mencapai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.05. Guru juga bersetuju murid bersedia mencari maklumat dalam bentuk multimedia yang sesuai dan meneroka aspek multimedia dalam pembelajaran bagi meningkatkan kemahiran dan pencapaian mereka dengan min masing-masing sebanyak 3.92. Keseluruhan item-

item dalam jadual 4.4 menunjukkan murid-murid positif terdapat persediaan dalam menggunakan TMK.

Keseluruhan dapatan kajian menunjukkan murid-murid begitu minat dalam penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Guru-guru bersetuju bahawa murid-murid yang kurang mahir dalam menguasai literasi membaca lebih menunjukkan minat dalam TMK. Ini mendorong kepada guru-guru untuk menghasilkan modul bacaan dalam bentuk digital supaya murid-murid bergiat aktif dalam bahan-bahan bacaan digital. Unsur yang menjadikan murid-murid minat boleh menjadikan suatu medium untuk mengajar murid-murid. Kreativiti guru dalam menghasilkan bahan bantu belajar dalam bentuk digital meningkatkan keinginan murid-murid untuk belajar.

Perbincangan

Ilmu pengetahuan merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam kehidupan seharian manusia dalam melakukan tugas harian. Tidak terkecuali juga bagi seorang guru dalam usaha menyalurkan ilmu pengetahuan yang diketahui kepada muridnya (Sulaiman dan Ismail, 2020). Seorang guru haruslah mempunyai pengetahuan mengenai mata pelajaran yang diajarkan atau kaedah yang ingin diterapkan dalam proses PdP. Pernyataan ini disokong sepenuhnya oleh Zamri (2014) yang menyatakan bahawa guru harus mempunyai pengetahuan, kefahaman dan keyakinan dalam menyampaikan pengajaran kepada murid supaya dapat menjayakan proses PdP yang dirancang. Sebelum penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, guru perlu mempunyai pengetahuan terlebih dahulu mengenai cara menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang berkesan adalah guru yang dapat memberikan pandangan yang positif murid terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk tujuan pendidikan di sekolah dan di luar sekolah secara signifikan positif (Sila et al., 2024).

Hasil kajian ini menggambarkan murid-murid yang lemah dalam literasi membaca bahasa Tamil tetapi menunjukkan pemikiran positif semasa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian Adenan Ayob (2017) yang menunjukkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi mampu mencungkil minat untuk belajar. Tambahan pula, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan impak yang positif dalam perkembangan akademik murid-murid (Ambikapathy et al., 2020). Dalam kajian Ganesh Mukayah (2021) yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran membaca perkataan Bahasa Tamil dengan penggunaan *augmented reality* (AR) dalam kalangan murid Tahun 4.

Penggunaan elemen teknologi maklumat dan komunikasi menunjukkan murid mencapai suatu pencapaian yang baik. Dalam kajian Adenan Ayob, 2017 menjelaskan bahawa perkembangan bidang teknologi dalam sistem pendidikan Bahasa Melayu pada alaf ini sedang mengalami transformasi yang amat pesat. Transformasi dalam bidang ini, terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dapat dilihat menerusi kewujudan dan penggunaan bahan yang interaktif dengan berasaskan laman web. Oleh kerana, murid-murid lemah dalam pembelajaran namun guru-guru boleh menggunakan medium teknologi maklumat dan komunikasi untuk meningkatkan penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya ketika mengajar murid dalam literasi membaca (Zahari et al., 2014)

Hasil perbincangan tersebut di atas, beberapa cadangan telah dikenal pasti dan dinyatakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini berasaskan dapatan menunjukkan bahawa penggunaan bahan dalam bentuk teknologi maklumat dan komunikasi adalah berkesan kepada kefahaman murid-murid. Ini secara langsung memberikan manfaat kepada usaha pemupukan keupayaan dalam kemahiran membaca. Justeru, pihak berwajib wajar mengkaji keperluan untuk melengkapkan kelas dengan alat-alat teknologi maklumat dan komunikasi seperti komputer, laptop termasuk membekalkan kemudahan wifi supaya penggunaan bahan bacaan interaktif oleh murid-murid tahun tiga yang menghadapi masalah dalam membaca adalah menyeluruh, licin dan lancar.

Tujuan kelas dilengkapkan dengan peralatan komputer, perisian dan internet adalah untuk memberikan kemudahan kepada murid-murid supaya memperoleh faedah yang maksimum daripada arus pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (Zhang dan Fan, 2024). Kelengkapan infrastruktur juga amat penting untuk memastikan murid-murid sentiasa berminat terhadap pembelajaran digital dan maya (Angrist dan Lavy, 2002). Cadangan ini juga adalah dengan berpandukan kadar kejayaan murid-murid yang terlibat dalam penggunaan bahan bacaan interaktif berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi. Jika lebih banyak murid-murid terlibat dengan penggunaan bahan bacaan interaktif, kadar kejayaan akan lebih meningkat.

Kesimpulan

Sebagai kemudahan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran, pihak pengurusan sekolah perlu memastikan penglibatan guru ke arah pembinaan atau pembangunan bahan bantu pengajaran dan pembelajaran yang interaktif dengan berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi selain bersesuaian dengan sukatan pelajaran berkaitan. Langkah ini dapat mewujudkan variasi dalam penggunaan bahan bacaan interaktif supaya murid-murid terus berminat untuk belajar sehingga terbaik dalam membaca. Bahan dalam teknologi maklumat dan komunikasi perlu dijadikan keperluan utama dalam semua program dan aktiviti membaca yang bermula dari peringkat pendidikan awal supaya berkesinambungan kepada peringkat yang lebih tinggi kerana minat murid-murid lebih tinggi dalam teknologi maklumat dan komunikasi.

Rujukan:

- Acun C. S., Ozkan E. I., & Kalelioglu, F. (2024). Assessment of student ICT competence according to mathematics, science, and reading literacy: evidence from PISA 2018. *Large-scale Assess Educ* 12, 30. <https://doi.org/10.1186/s40536-024-00218-7>
- Adenan Ayob. (2017). *Interaktif Berasaskan Laman Web Terhadap Kefahaman Membaca Kanak-kanak*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 2017, 1–17. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol6.1.1.2017>
- Adenan Ayob. (2017). *Kesan pembelajaran penggunaan bahan bacaan interaktif berasaskan laman web terhadap kefahaman membaca kanak-kanak*. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak* Jilid 6, 2017 (1-17). <https://doi.org/10.37134/jpak.vol6.1.1.2017>

- Adli Effendy. (2013). *Masalah keciciran literasi 3M pelajar*. Diambil dari <https://www.ummahtoday.com.my/masalah-keciciran-literasi-3m-pelajar-menteri-pendidikan-jemput-ngo-bantu-kpm/>
- Ambikapathy, A., Halili, S. H., & Ramasamy, M. D. (2020). Kemahiran Tmk Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil Sekolah Menengah [Ict Skills Among Secondary School Tamil Language Teachers]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 99–114.
- Angela, L. dan Yen, H.J. (2015). *Interactive whiteboard into music teaching and Learning: Preschool children as a case study*. *Procedia-Social dan Behavioral Science*, 177, 449-458. Doi: 10.1016/j.sbspro.2015.02.394.
- Angrist, J., & Lavy, V. (2002). New evidence on classroom computers and pupil learning. *Economic Journal*, 112(482), 735–765. <https://doi.org/10.1111/1468-0297.00068>
- Baharudin, H.H, Masnan, A.H., dan Zain, A. (2021). *Pembangunan Modul Pembelajaran Menggunakan Aplikasi Teknologi Android Berasaskan Papan Putih Interaktif Terhadap Kemahiran Membaca Kanak-Kanak Prasekolah : Ulasan Kerangka Teori*. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(1), 1-14. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.1.2021>.
- Berita Harian. (2021). *PM lancar inisiatif #SayaDigital bantu tingkat literasi digital rakyat*. Tarikh: April 12. 2021.
- Boubour, M., dan Bjorklund, C. (2014). *Preschool teacher's reasoning about IWB embedded in Math education in Swedeen preschool*. *Journal of Nordic Early Childhood Education Research*. 7, 1-16. Doi: 10.7777/nDf.608
- Fatin Syazana Zulkafali. (2022). *Tujuh teras utama titik kesatuan sistem pendidikan negara*. Diambil dari <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/2022/12/15/11331/>
- Ganesh Mukayah. (2021). *Meningkatkan kemahiran membaca perkataan Bahasa Tamil murid tahun 4 dengan penggunaan Augmented Reality (AR)*. *Journal of Personalized Learning*, 4(1) 2021, 23-36.
- Hazlin Mohamat. 2016. Tahap pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan peta i-think dalam kalangan guru bahasa Melayu. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*. *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khairuddin Mohamad. (2011). *Siri pendidikan guru literasi Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Krejcie, dan Morgan. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Malkawi, N. A. (2017). *The effect of using smart board on the Achievement of tenth grade students in English language and on verbal interaction during teaching in public school*. *International Research in Education*, 5(1).
- Max, R. dan Esteban, O.O. (2019). *Global Education - Our World In Data*. <https://ourworldindata.org/global-education#citation>.
- Mohd Majid Konting. 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan dan Pustaka.
- Sulaiman, J., & Ismail, S. N. (2020). Teacher competence and 21st century skills in transformation schools 2025 (TS25). *Universal Journal of Educational Research*, 8(8), 3536–3544. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.080829>
- Veeraratchagi. (2021). *Pembinaan dan penilaian modul bacaan QR Barcode dalam meningkatkan kemahiran membaca dengan sebutan betul bahasa Tamil*. *Universiti Pendidikan Sultan Idris*.

- Zahari, Z. A., Desa, M. A. M., & Bakhir, N. M. (2014). Permainan tradisional dan teknologi Penelitian dan tinjauan terhadap persepsi kanak-kanak. Conference Proceeding: 1st International Conference On Vreative Media, Design and Technology.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zhang, F. J., & Fan, C. (2024). Factors influencing students' reading literacy in Morocco: A multilevel analysis. *Humanit Soc Sci Commun* **11**, 1056.
<https://doi.org/10.1057/s41599024-03575-4>